

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE EVOLUTION OF PRIVATE TAHFIZ GOVERNANCE IN MALAYSIA]

EVOLUSI TADBIR URUS TAHFIZ SWASTA DI MALAYSIA

AHMAD MUAZ AHMAD OTHMAN¹
NORAZMI ANAS^{2*}

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam, Selangor

² Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Pulau Pinang, 35400, Tapah Road, Perak, Malaysia

*Corresponding author: norazmianas@uitm.edu.my

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

Abstract

The existence of private tahfiz centres in Malaysia is encouraging and continues to grow over the years. Thus, strengthening the governance of such institutions is a necessity especially in this age of digital transformation. To begin with, the study will outline the strengths and weaknesses of existing governance and followed by the analysis of the elements of evolutionary governance of private tahfiz institutions in the country. In fact, the standards that cover all aspects of good tahfiz management will be proposed and to be endorsed by relevant bodies and approved by the Council of Rulers. Most importantly, the findings of this study will provide guidelines to the management of private tahfiz institutions in Malaysia to improvise the administration and to develop religious schools to suit the needs of current times in line with the main policies of the Malaysian government through the National Tahfiz Council. Besides, the proposed standard will be a key reference for stakeholders such as the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and also to achieve the national aspiration to produce 125,000 huffaz (tahfiz school graduates) by 2050 through the National Tahfiz Education Policy (NTEP) and National Transformation.

Keywords: Governance, Tahfiz, Private, Malaysia

Abstrak

Kewujudan institusi tahfiz swasta di dalam negara Malaysia amat menggalakkan dan terus meningkat saban tahun. Justeru, pemerkasaan urus tadbir institusi tahfiz swasta menjadi satu keperluan pada era masa kini yang menjurus ke arah transformasi. Sebagai permulaan, kajian akan menghuraikan kelemahan dan kekuatan tadbir urus dan melaksanakan analisa elemen evolusi urus tadbir institusi tahfiz swasta di Malaysia. Seterusnya, piawaian yang merangkumi semua aspek pengurusan yang baik akan dicadangkan serta mendapat sokongan pengesahan dari pihak yang mempunyai autoriti. Hasil dapatan kajian yang bakal dijalankan akan memberikan

panduan kepada pengurusan institusi tahfiz swasta di Malaysia dalam usaha mentransformasikan urus tadbir selaras dengan polisi utama kerajaan Malaysia melalui Majlis Tahfiz Negara. Di samping itu, cadangan piawaian yang akan dibangunkan boleh menjadi rujukan utama pihak berkepentingan seperti Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) sekaligus melancarkan hasrat untuk mencapai 125,000 huffaz menjelang tahun 2050 yang termaktub didalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN).

Kata kunci: Urus Tadbir; Tahfiz; Swasta; Malaysia

Cite as: Ahmad Muaz Ahmad Othman & Norazmi Anas. 2020. Evolusi Tadbir Urus Tahfiz Swasta Di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(2): 127-133.

PENGENALAN

Penubuhan Maahad Tahfiz pertama yang diasaskan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj pada tahun 1966 merupakan sejarah permulaan menghafaz al-Quran di Malaysia hasil idea yang tercetus daripada Musabaqah al-Quran yang diadakan semenjak tahun 1960 serta lawatan Rektor Universiti Al-Azhar Sheikh Mahmud Syaltut ke majlis perasmian Masjid Negara (Chek & Muhammad, 2016; Aziz, 1997; 1995). Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat ditubuhkan sebagai salah satu unit permulaan di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. Dengan penubuhan unit tersebut maka bermulalah pengajian dalam bidang Tahfiz al-Quran di Dewan syarahan Masjid Negara pada 1 Mac 1966.

Dari tahun 1966 hingga tahun 1978, pengajian bidang Tahfiz al-Quran diletakkan di bawah kelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urus Setia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Pada tahun 1972 pengajian ini diberi nama ‘Maahad tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat’. Pada awal tahun 1979 Maahad Tahfiz diletakkan pula di bawah kelolaan Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1980. Selepas itu Maahad Tahfiz dipindahkan ke Bangunan JKR 588/33, Jalan Chenderasari, Kuala Lumpur dan kemudiannya diletakkan di bawah kelolaan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1983. Sehingga pada tahun 1984 Maahad Tahfiz telah lahir sebagai sebuah Cawangan di Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri dengan organisasinya yang tersendiri (Darul Quran, 2018).

Pada tahun 1992, Maahad tahfiz kemudiannya dipindahkan ke Taman Tun Dr. Ismail bagi penempatan pelajar lelaki dan pelajar perempuan pula ditempatkan di Jalan Ledang. Pada Tahun 1994 pelajar perempuan kemudiannya dipindahkan ke Taman Tun Dr. Ismail, manakala pelajar lelaki dipindahkan ke Batu 14 Sg. Semunggis Hulu Langat Selangor. Pada Tahun 1997, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat telah dinaikkan taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan diberi nama Darul Quran. Akhirnya pada November 1998, Darul Quran ditempatkan ke kampus tetap di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah Kuala Kubu Baharu, Selangor (Darul Quran, 2018). Pada tahun 1983, sijil yang dikeluarkan oleh JAKIM telah diiktiraf setaraf dengan Diploma ITM (sekarang dikenali dengan nama UiTM) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Diploma tersebut diiktiraf oleh universiti dalam negara seperti UM, UKM, UIAM dan KUIM (sekarang dikenali dengan nama USIM) (JAKIM, 2002). Sejak penubuhannya, dari tahun 1996 hingga 2013, MTNP telah menempa

beberapa kejayaan yang amat membanggakan. MTNP juga telah melahirkan lebih kurang 171 orang hafiz yang berdaftar. Pengiktirafan tersebut membolehkan ramai pelajar lepasan Diploma Tahfiz Darul Quran, JAKIM telah menyambung pelajaran ke peringkat sarjana muda dalam negara. Terdapat juga para pelajar yang menyambung pelajaran ke peringkat sarjana selepas selesai pengajian di peringkat sarjana muda. Situasi ini merancakkan lagi perkembangan menghafaz al-Quran di Malaysia. Selain itu juga, ramai daripada lepasan Diploma Tahfiz Darul Quran, JAKIM yang telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan awam seperti Imam Besar Masjid Negeri, guru, pensyarah, pegawai agama angkatan tentera dan seumpamanya. Hal ini menunjukkan bahawa skop perkhidmatan awam kepada kumpulan ini bukan hanya menjadi imam sahaja tetapi menghafaz al-Quran juga diperlukan dalam jawatan-jawatan professional yang lain (Syed Ahmad Tarmizi et al., 2003).

KERANGKA URUS TADBIR TAHFIZ SWASTA

Pendidikan tahfiz telah wujud sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Ia diterjemahkan disurau, masjid dan rumah tuan guru dengan cara yang tidak formal (Shuib, 1996) dan ia hadir bersama subjek asas Islam iaitu fardu ain dan fardu kifayah. Ahli akademik mengistilalkannya sebagai pengajian Alif Ba Ta (Jusuh, 1990) atau pusat pengajian al-Quran (Ishak, 1995). Keadaan pengajian tidak formal berterusan sehingga lahir idea tentang penubuhan pengajian tahfiz secara formal, sistematik dan teratur dibawah penyeliaan Jawatan Tadbir Masjid Negara (Nawi et al., 2014).

Sehingga kini, perkembangan institusi tahfiz di Malaysia kian bercambah kesan daripada kesedaran masyarakat Islam tentang keperluan memahami al-Quran. Hasilnya, kewujudan pusat pengajian dan institusi tahfiz swasta semakin meningkat dengan pelbagai jenis silibus dan panduan tadbir urus. Namun pengurusannya adalah berbeza samada berlainan organisasi mahupun dibawah satu organisasi. Institusi tahfiz di Malaysia dikenali dengan dua kategori iaitu tahfiz kerajaan dan tahfiz swasta. Kesedaran masyarakat di Malaysia terhadap pendidikan tahfiz sangat tinggi maka penubuhan tahfiz menjadi tidak terkawal sehingga pengabaian aspek penilaian pengurusan sesebuah pusat tahfiz berlaku (Som, 2007). Keadaan ini berlaku kerana pihak kerajaan tidak mampu memenuhi permintaan masyarakat yang tinggi. Penubuhan tahfiz swasta yang berleluasa memperlihatkan cabaran dan isu tadbir urus pusat tahfiz. Ia merangkumi aspek kurikulum yang diamalkan, pengurusan kewangan, tadbir urus fasiliti, keperluan usahasama akademik dengan institusi yang diiktiraf kerajaan dan sebagainya. Kepelbagaian ini akan memberikan kesan positif terhadap perkembangan pengajian tahfiz, akan tetapi ia juga turut memberi kesan negatif terutama pengurusan pendidikan tersebut (Ismail, 2016)

Melalui sumber data yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pada 24 Mac 2019 melalui Kenyataan Media Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terdapat institusi pendidikan tahfiz di Malaysia berjumlah 908 milik swasta yang didaftarkan di bawah JAKIM dan bilangannya semakin meningkat saban tahun.

Institusi tahfiz kerajaan dilihat tidak dapat menampung permintaan daripada ibubapa yang berminat untuk pendidikan tahfiz anak-anak mereka, maka institusi tahfiz swasta menjadi pilihan dan alternatif mereka. Oleh itu, pemerkasaan institusi tahfiz swasta dilihat signifikan dan keperluan pada masa kini agar piawaian yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dapat dipenuhi selari dengan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN).

MASALAH TADBIR URUS INSTITUSI TAHFIZ SWASTA

Penubuhan institusi tahfiz mendapat sambutan menggalakkan pada masa kini bagi memenuhi pendidikan arus perdana negara dalam usaha melahirkan generasi huffaz yang berkualiti tinggi serta menyumbang terhadap pembangunan negara. Walaupun begitu, piawaian infrastruktur dan pengurusan tahfiz didapati tidak seragam berikutan latar belakang penubuhan setiap institusi tersebut berbeza-beza khususnya institusi tahfiz swasta di samping pengurusan institusi tahfiz yang lemah (Ridza et al., 2017) diikuti pengurusan tahfiz tidak mempunyai gerak kerja yang terancang dan teratur memberi kesan terhadap aspek perlaksanaannya (Nawi et al., 2017; 2014).

Antara masalah yang dibangkitkan ialah pengurusan pendidikan tahfiz yang lemah (Ahmad, 2015). Hal ini jelas menunjukkan pengasas sesebuah pusat tahfiz ini perlu lebih kreatif dan inovatif dalam merangka strategi bagi merealisasikan hasrat masyarakat. Isu seterusnya adalah berkenaan modul pengajaran dan pembelajaran yang digunakan terpiawai ataupun sebaliknya (Hashim, 2010). Ini mengakibatkan tenaga pengajar bebas menggunakan kaedah pengajaran berlatar belakang individu itu sendiri. Isu yang terbesar dalam pengurusan kewangan, ia melibatkan soal kelangsungan jangka hayat sesebuah pusat pengajian.

Isu akauntabiliti institusi tahfiz swasta melibatkan pengumpulan dana yang menyalahi undang-undang dan salah tadbir urus (Bani et al., 2017; 2014). Ianya disokong kuat oleh Ismail et al. (2017) yang menyatakan bahawa masalah utama institusi tahfiz ialah pengurusan pendidikan yang lemah dan kekangan sumber kewangan yang memberi kesan langsung kepada kecemerlangan huffaz yang akan dihasilkan.

CABARAN TADBIR URUS INTITUSI TAHFIZ

Menurut Ismail (2016), terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh institusi tahfiz untuk meneruskan kelangsungannya iaitu cabaran modenisasi, teknologi dan persijilan. Oleh itu, beliau mencadangkan beberapa cadangan bagi memperkukuhkan serta memperkasakan institusi tahfiz iaitu:

- (i) Mendaftar semua institusi tahfiz,
- (ii) Penyelarasan Kurikulum,
- (iii) Mewujudkan satu piawaian Sijil Tahfiz dan
- (iv) Memperkenalkan program kemahiran.

Antara bidang yang boleh diperkenal dan ditawarkan ialah keusahawanan, pengurusan, pelancongan, pertanian komersil dan sebagainya.

Syor Tadbir Urus Institusi Tahfiz

Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pasukan Petugas Khas Sekolah-Sekolah Tahfiz telah mengesyorkan pindaan ke atas Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) bagi membolehkan pendaftaran dibuat terhadap institusi pendidikan tahfiz swasta di bawah akta berkenaan. Ia bagi menyelaraskan kebajikan dan bantuan di samping pemantauan tadbir urus sekolah-sekolah tahfiz bagi memastikan ianya menetapi piawaian yang ditetapkan oleh kerajaan. Selain itu terdapat 6 syor yang dikemukakan iaitu:

- (i) Pindaan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) bagi untuk memasukkan soal pendaftaran sekolah agama swasta,
- (ii) Mewujudkan kerangka kriteria kelulusan pembentukan dan pengurusan maahad tahfiz,
- (iii) Pematuhan piawaian minimum keselamatan dan kesihatan,
- (iv) Penubuhan bomba sukarelawan,
- (v) Pendaftaran maahad tahfiz diselaraskan antara kerajaan negeri dan persekutuan dan
- (vi) Pengawasan dan tanggungjawab bersama.

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN)

DPTN merupakan dasar yang digubal bagi memastikan institusi pendidikan tahfiz al-Quran di negara ini terus subur supaya kebajikan dan pendidikan di institusi ini diperkasakan bagi menjamin kemandiriannya pada masa akan datang seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara. Sasaran utama DPTN adalah melahirkan 125,000 huffaz menjelang tahun 2050. Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) merupakan dokumen penting sebagai landasan jangka panjang bagi mewujudkan pendidikan tahfiz berkualiti dan diperkasakan mengikut arus perdana. Melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara, empat modul kurikulum akan jadi landasan di institusi tahfiz bagi untuk menjamin kualiti dan masa depan lepasan pelajarinya iaitu:

- Tahfiz Turath,
- Tahfiz Sains,
- Tahfiz Dini dan
- Tahfiz Kemahiran

Majlis Tahfiz Negara (MTN)

Majlis ini bakal diwujudkan setelah Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail menyatakan langkah yang perlu diambil bagi menubuhkan Majlis Tahfiz Negara kerana bilangan institusi tahfiz swasta semakin meningkat. Dalam rangka penubuhan majlis tersebut Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyatakan lima teras yang akan dibincangkan iaitu:

- Undang-undang dan penguatkuasaan,
- Memperkenalkan model institusi tahfiz yang diiktiraf,

- Memantapkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana,
- Memperkasa tadbir urus institusi tahfiz dan mewujudkan sistem pensijilan institusi tahfiz.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pengurusan tahfiz swasta di Malaysia untuk mentransformasikan pengurusan dan infrastruktur selaras dengan polisi utama kerajaan Malaysia melalui Majlis Tahfiz Negara. Piawaian yang dibangunkan mampu menjadi rujukan utama pihak berkepentingan tahfiz di Malaysia seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Darul Quran mahupun pihak pentadbir institusi tahfiz swasta untuk membantu merealisasikan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) bagi melahirkan 125,000 huffaz menjelang tahun 2050.

PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja oleh Geran FRGS 2018-1, Kod Penyelidikan: FRGS/1/2018/SSI03/UITM/03/1 bertajuk Model Tahfizpreneur Tadbir Urus Tahfiz Swasta di Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad, N. (2015). Memperkasa Darul Quran ke arah memartabatkan pendidikan tahfiz di Malaysia.
- Bani, H., Jaaffar, M. Y., Katan, M., & Noor, A. H. M. (2017). An overview of governance and accountability of tahfiz institutions in Malaysian: Religious Councils Perspective. In SHS Web of Conferences (Vol. 36, p. 00028). EDP Sciences.
- Bani, H., Katan, M., Noor, A. H. M., & Fatah, M. M. A. (2014). Applying stakeholder approach in developing accountability indicators for tahfiz centers. In Proceedings of International Conference on Accounting Research & Education (pp. 1-14).
- Chek, Y., & Mohamad, S. (2016). Sumbangan Darul Quran (Jakim) Terhadap Pengajian al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan. *AL-TURATH JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH*, 1(2), 25-33.
- Darul Quran, JAKIM (2018). <http://www.darulquran.gov.my>. [8 Februari 2018]
- Hashim, A. (2010). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri. Bangi: UKM
- Ishak, A. (1995). Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia.
- Ismail, M. J., Mohamad, S., Puji, T. I. Z. T., & Yusof, N. H. (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat*
- Ismail, S. (2016). Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran. Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, hlm, 194-201.
- Ismail, S. (2016). Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran. Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, hlm, 194-201.

- Jusuh, A. (1990). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nawi, N. H. M., & Salleh, N. H. (2017). Pembinaan Model Pengajian Tahfiz Di Malaysia. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 5(1), 1-11.
- Nawi, N. H. M., Yusuff, N. A., Yaacob, M. B. C., & Salleh, N. H. (2014). Matlamat dan hala tuju sistem pengajian tahfiz di Kelantan: satu pengamatan awal.
- Nawi, N. H. M., Yusuff, N. A., Yaacob, M. B. C., & Salleh, N. H. (2014). Matlamat dan hala tuju sistem pengajian tahfiz di Kelantan: satu pengamatan awal.
- Ridza, B. H., Jalil, R. A., Sipan, I., & Nukman, Y. (2017, November). Critical success factor (CSF) service delivery for tahfiz institution teaching & learning environment. In *AIP Conference Proceedings* (Vol. 1903, No. 1, p. 040003). AIP Publishing.
- Shuib, F. H. (1996). *Kecemerlangan ilmu dalam sejarah dan tamadun Islam: penginstitutionan ilmu di zaman Abbasiyah 750-1258 M*. Pustaka Warisan.
- Som, H. M. (2007). Profil Tumpuan Guru Sekolah Menengah di Negeri Selangor Terhadap Pelaksanaan Perubahan Kurikulum. *Jurnal Pendidikan*, 27(1), 165-178.
- Syed Ahmad Tarmizi, Khairul Anwar & Mohd Zohdi. et.al (2003). *Sejarah Dan Perkembangannya. Isu Semasa Pengajian: Quran Dan Sunnah Kolej Universiti Islam Melaka*, 45-57.